

Aktiviti tarah
Bukit
Laksamana
didakwa
cemar sumber
air Empangan
Teluk Bahang

SHAH menunjukkan Bukit
Laksamana yang
digondolkan secara rakus
oleh pemaju tidak dikenal
pasi di Balik Pulau.

BEBERAPA chalet hampir siap
di Bukit Laksamana.



Minum air tercemar

Oleh Mohd Hilmi Mahmud

am@hmetro.com.my

Balik Pulau

Terpaksa minum air lumpur. Itu keadaan dilalui ratusan penduduk di kawasan ini yang berdepan masalah air bersih apabila aktiviti menggondol Bukit Laksamana, dekat sini, sejak dua tahun lalu terus mencemarkan sumber air di Empangan Teluk Bahang, di sini.

Difahamkan, bukit berkenaan mula diteroka sejak dua tahun lalu bagi membina 36 chalet pelancongan sebelum diberikan notis supaya aktiviti itu dihentikan, namun tidak diendahkan.

Penduduk Kampung Sungai Pinang, Mohd Nasril Ismail, 35, berkata, dia terkejut selepas melawat kawasan itu minggu lalu kerana tanah yang dahulunya dipenuhi pokok buah-buahan kini musnah ditebang pemaju.

“Saya melawat bukit berkenaan bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teluk Bahang Datuk Shah Headan Ayooob Hussain Shah pada minggu lalu dan mendapati bukit itu gondol.

“Saya kecewa dengan tindakan pemaju menggondol bukit berkenaan kerana ia bukan saja merosakkan alam semula jadi, malah mencemarkan sungai dan sumber air,” katanya selepas meninjau kawasan bukit berkenaan bersama Shah Headan, semalam.

Menurutnya, tindakan pemaju membina chalet bukan saja membimbangkan penduduk, malah boleh membahayakan penduduk yang tinggal di kawasan lereng bukit.

Sementara itu, Shah Headan berkata, sehingga semalam, hampir 3.2 hektar tanah di kawasan itu digondolkan bagi pembinaan chalet berkenaan.

Dalam lawatan singkat itu, beliau membawa 20 petugas media melawat kawasan Bukit Laksamana untuk melihat dan meninjau sendiri kawasan yang terjejas.

Beliau berkata, sebelum ini, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir negeri Chow Kon Yeow memaklumkan bahawa notis pemberhentian kerja menggondol tanah sudah diberikan kepada pemaju terbabit.

“Saya hairan kenapa aktiviti itu masih diteruskan sedangkan notis pemberhentian dikeluarkan April lalu.

“Pembangunan di kawasan tadahan air tidak sepatutnya dipandang remeh oleh kerajaan negeri dan tindakan segera perlu diambil bagi memastikan sumber air untuk masa depan rakyat tidak terjejas,” katanya.

FAKTA
Bukit diteroka
sejak dua tahun
lalu bagi membina
36 chalet
pelancongan